

**TALKING POINT
SEMPENA
PERJUMPAAN MINGGUAN BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI
10 OKTOBER 2018
DI KOMPLEKS SUKAN SYED SIRAJUDDIN AREEB PUTRA, PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Rakan-rakan saya, Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kerana kita masih lagi diberi peluang oleh Allah Aza Wajalla untuk berkumpul di pagi yang berbahagia ini dalam Program Perjumpaan Mingguan Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti.
2. Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada semua yang hadir pada pagi ini, saya berharap agar pada pagi yang indah lagi permai ini, semua warga UniMAP sihat, cergas dan cerdas dalam menjalankan tugas masing-masing.

Hadirin hadirat sekalian,

INFO PSIKOLOGI

LATIH DIRI KEKAL POSITIF

3. Untuk minggu ini kita akan berkongsi Info Psikologi yang disediakan Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) untuk memberikan perangsang kepada kita semua dalam menjalankan tugas sehari-hari.
4. Sememangnya kehidupan ini penuh dengan cabaran serta dugaan demi dugaan yang kita lalui adakalanya membuatkan semangat semakin hari semakin menurun. Namun begitu, ia bukannya alasan untuk kita terus menerus lemah dan tunduk dengan keadaan. Apa yang perlu kita lakukan, adalah terus pandang ke hadapan berusaha untuk bangkit dan teruskan perjalanan.
5. Bina keyakinan diri bahawa setiap apa yang kita lalui ada hikmah yang menanti. Justeru, pada minggu ini, dikongsikan beberapa tips agar kita sentiasa kekal positif terutama ketika kita hilang semangat atau berputus asa. Semoga bermanfaat untuk semua.
6. **PELAJARI HIKMAH DISEBALIK DUGAAN:** Dunia ini adalah tempat untuk kita belajar. Jika di sekolah, kita mengambil peperiksaan bagi menguji tahap ilmu yang kita pelajari. Dalam pentas kehidupan, kita akan turut melalui ujian yang mana ujian inilah yang akan menentukan tahap kekuatan diri kita sebagai seorang insan. Ingatlah bahawa mendung tidak akan berterusan. Tiba saatnya mentari pasti muncul kembali.
7. **TUKAR PERSPEKTIF DALAM MELIHAT SESUATU KEADAAN:**
Pada setiap peristiwa yang berlaku, kita boleh melihatnya dalam perspektif yang berbeza. Ia terpulang kepada kita bagaimana kita

memberi maklumbalas terhadap sesuatu yang berlaku. Misalnya jika kita melihat teguran seorang ketua adalah satu hukman, maka kita akan terus merasa terhukum. Sebaliknya jika teguran itu dilihat sebagai usaha membantu kita memperbaiki kekurangan, kita pasti akan berterima kasih kepada ketua yang sentiasa memberi perhatian terhadap kita.

8. **CUBA DAPATKAN “ME TIME”** :Kadangkala kekurangan masa untuk diri sendiri juga membuatkan semangat kita untuk meneruskan rutin harian terasa lemah. Sese kali, cuba bersendirian nikmati kehidupan ini sepenuhnya. Lakukan aktiviti yang jarang atau tidak pernah kita ceburi misalnya mendaki gunung, berbasikal, melawat tempat-tempat menarik atau cukup hanya menghirup secawan kopi di warung mamak tanpa ada gangguan.
9. **CABAR DIRI UNTUK AMBIL RISIKO**: Belajar buang ketakutan dalam diri untuk meneruskan kehidupan. Jika kita pernah gagal sebelum ini, tidak bermakna kita akan terus gagal. Sekurang-kurangnya kita ada usaha dan bukan berdiam saja dan menyerah kepada takdir semata-mata. Kata orang muda hari ini “YOLO” (You Only Live Once), jadi mengapa kita mesti sia-siakan?
10. **USAH TERLALU KEJAM PADA DIRI SENDIRI**:Setiap manusia unik dan ada jalan kehidupan yang berbeza. Usah bandingkan diri kita dengan orang lain. Kita kenal siapa kita, kita kenal kekuatan dan kelemahan diri kita. Sese kali, berilah kredit kepada diri dengan mengungkapkan ucapan tahniah kepada diri sendiri.Berbanggalah dengan apa yang kita lalui sehingga hari ini.
11. Harapan saya semoga tips-tips ini akan dapat dijadikan panduan untuk kita semua agar sentiasa kekal positif dalam kehidupan yang kita lalui.

Hadirin sekalian,

PROGRAM YANG TELAH BERLANGSUNG

Warga UniMAP yang saya kasihi,

SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1440H/2018M PERINGKAT UniMAP

12. Alhamdulillah, pada hujung minggu lalu saya difahamkan telah berlangsung dengan jayanya tiga majlis yang menyatukan para warga UniMAP.
13. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Pengerusi Majlis Profesor UniMAP dan mantan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP di atas penganugerahan sebagai Tokoh Maal Hijrah sempena Majlis Sambutan Maal Hijrah 1440H/ 2018M peringkat UniMAP yang diadakan pada Jumaat lalu.
14. Tidak dilupakan juga setinggi-tinggi tahniah kepada pemenang-pemenang lima lagi anugerah iaitu Anugerah Al-Falah yang dimenangi Majlis Pengurusan Kolej Kediaman, Anugerah Personaliti Maal Hijrah (empat penerima), Anugerah Tokoh Siswa (dua penerima), Anugerah Khas Pencetus Ummah (empat penerima) dan Anugerah Khas Agensi terbaik yang dimenangi MSB Utara Perlis yang merupakan pengusaha Kafeteria Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik UniMAP.
15. Semoga apa yang diterima ini akan dapat menjadi pemangkin kepada semua warga UniMAP untuk meningkatkan lagi usaha dalam membangunkan universiti yang kita sayangi ini.
16. Di sini juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan terima kasih kepada semua jawatankuasa yang terlibat dalam memastikan pendaftaran berjalan dengan lancar.

Hadirin dan hadirat sekalian,

FESTIVAL KEBUDAYAAN ANTARA PUSAT PENGAJIAN (FESTKAPP)

17. Pada 4 Oktober hingga 7 Oktober lalu telah berlangsung Festival Kebudayaan Antara Pusat Pengajian (FESTKAPP 2018).
18. Saya berpeluang untuk merasmikan Majlis Penutup FESTKAPP 2018 dan dari apa yang dapat dilihat pada festival tersebut ramai pelajar kita yang amat berbakat dalam aktiviti kebudayaan.
19. Program yang menyerlahkan bakat seperti ini seharusnya diteruskan bukan saja dalam bidang kebudayaan sahaja, malahan bidang-bidang yang boleh diketengahkan mengikut minat pelajar.
20. Setinggi-tinggi tahniah kepada Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) kerana menjadi juara keseluruhan serta semua peserta yang meraih kejayaan dan kepada yang kurang bernasib baik, cuba lagi pada tahun hadapan. Tidak dilupakan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah juga kepada jawatankuasa yang bertungkus lumus selama empat hari dalam memastikan FESTKAPP berjalan lancar.

Warga UniMAP yang dikasihi sekalian,

PROGRAM YANG BAKAL BERLANGSUNG

UNIVERSITY ROBOT COMPETITION : KINGDOM OF CHAMPIONS - UROCK 2018

21. Saya pasti semua telah sedia maklum dari promosi yang telah dijalankan, di mana kita bakal menganjurkan **University Robot Competition : Kingdom of Champions - UROCK 2018** yang akan berlangsung pada 13

Oktober di Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra, Kampus UniMAP Pauh Putra.

22. Marilah kita sama-sama memberikan sokongan agar petandingan ini akan dapat berjalan dengan lancar dan cuaca pada hari berkenaan dalam keadaan baik. InsyaAllah.

**PROGRAM COUNSELLING & WELLNESS: SEMINAR PSIKOLOGI POSITIF
'LONJAKAN AKHIR PELAJAR SPM & STPM 2018 PERINGKAT NEGERI PERLIS**

23. Pada hari yang sama juga, turut diadakan program seminar Psikologi Positif khas kepada anak-anak pelajar calon SPM dan STPM anjuran iKOM dengan kerjasama Unit Latihan dan Kompetensi Jabatan Pendaftar, AKRAB RTM Perlis, Yayasan UniMAP dan Yayasan Kebajikan Perlis.
24. Program ini dianggarkan akan disertai 450 calon SPM & STPM daripada 30 buah sekolah menengah di negeri ini bersama ibu bapa mereka. Diharapkan program ini dapat memberi suntikan semangat buat mereka dalam menempuhi peperiksaan-peperiksaan berkenaan tidak lama lagi.

Hadirin dan hadirat sekalian

PENUTUP

25. Saya rasa cukup sahaja sampai di sini ini. Semoga perkongsian pada hari ini memberikan manfaat kepada kita semua.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.